

# IMF tertarik formula Malaysia

Oleh ASUKI ABAS

UM - 4 SEP 2003

PUTRAJAYA 3 Sept. — Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) mahu merangka polisi khusus berdasarkan kejayaan Malaysia menangani krisis mata wang pada tahun 1997 dan 1998 bagi membantu negara-negara membangun menghadapi krisis yang sama pada masa depan.

Pengarah Urusan IMF, Dr. Horst

Kohler berkata, langkah-langkah Malaysia adalah amat berguna untuk dipelajari oleh IMF kerana ia dapat menstabilkan sistem kewangan antarabangsa dan memberikan peluang lebih baik kepada ekonomi negara membangun.

“Saya amat berharap Malaysia dapat menerangkan secara terperinci kepada kami (IMF) mengenai bentuk tindakan yang telah diambil

bagi menjadikan sistem kewangan antarabangsa lebih stabil dan memberikan peluang lebih baik kepada ekonomi negara membangun (menghadapi krisis masa depan).

“Malah sebagai susulan, kami merancang untuk mengadakan seminar atau persidangan bagi membincangkan pengalaman sektor kewangan seperti Malaysia.

■ Lihat muka 4

## IMF tertarik formula Malaysia

“Dengan cara itu, IMF boleh mendapat lebih banyak maklum balas untuk menyesuaikan polisi kami khususnya mengenai sektor kewangan dengan keadaan di negara-negara membangun,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar bersama Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr. Jamaludin Mohd. Jarjis di Pejabat Perdana Menteri di sini, hari ini.

Dr. Kohler singgah di Malaysia untuk memenuhi undangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebelum ke Phuket, Thailand, lewat minggu ini untuk menghadiri Mesyuarat Menteri Kewangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Beliau yang mengambil alih teraju IMF pada 1 Mei 2000 daripada Michel Camdessus merupakan Timbalan Menteri Kewangan Jerman dari tahun 1990 hingga 1993.

Camdessus mengutuk keras tindakan Malaysia mengenakan kawalan mata wang dan modal pada 1 September 1998 dan meramalkan ekonomi negara akan hancur dalam tempoh enam bulan berikutnya.

Terdahulu, Dr. Kohler turut membuat kunjungan hormat ke atas Dr. Mahathir di pejabatnya.

Sementara itu, Dr. Jamaludin berkata, Dr. Mahathir telah menyatakan persetujuan untuk berkongsi pengalaman Malaysia sepanjang krisis mata wang itu demi memastikan negara membangun dilayan secara lebih adil bukan sahaja dalam kerangka kewangan antarabangsa, tetapi juga proses globalisasi.

“Perdana Menteri telah menyatakan kita (Malaysia) patut menyediakan segala maklumat dan infrastruktur yang telah kita letak semasa dan selepas krisis mata wang itu.

“Kita juga mahu bertukar fikiran dengan IMF bagi memastikan globalisasi dapat memberi faedah kepada semua, terutamanya negara-negara membangun dan miskin,” ujarnya.

Menurut Dr. Kohler, beliau berkongsi pandangan dengan Dr. Mahathir bahawa globalisasi tidak boleh meminggirkan kepentingan negara membangun.

“Saya rasa globalisasi hanya boleh berjaya untuk semua sekiranya ia menghormati kepelbagaian,” katanya.

Sehubungan itu, katanya, Malaysia sebagai wakil perlu mengambil peranan utama untuk mempertahankan kepentingan ekonomi membangun dan miskin dalam rundingan melibatkan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).